

# Majlis Resepsi kukuhkan hubungan Brunei - Jepun



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (dua, kanan) menyaksikan salah sebuah pameran produk dari syarikat Jepun yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan isteri serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato (kiri) memotong kek pada Majlis Resepsi sempena Memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Maharaja Jepun Ke-85.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**JERUDONG**, Isnin, 3 Disember. - Keakraban Negara Brunei Darussalam dan Jepun bukan sahaja daripada kerjasama dalam bidang ekonomi dan pertukaran budaya, malah hubungan erat kerabat diraja Brunei dan keluarga Imperialis Jepun merupakan asas yang memperkuat lagi hubungan dua hala kedua-dua buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Jepun amat mementingkan hubungan erat Brunei - Jepun dengan secara peribadi berangkat bersamaan Maharanai Jepun ke Kedutaan Brunei di Tokyo bagi menulis ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaike Takhta pada 5 Oktober 2017 yang lalu.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato pada Majlis Resepsi sempena Memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Maharaja Jepun Ke-85 yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club, Jerudong. TYT juga mengongsikan mengenai perkembangan syarikat-syarikat Jepun yang menyumbang secara aktif kepada kepelbagaian ekonomi Brunei dalam beberapa sektor, antaranya dalam bidang tenaga, pengeluaran methanol, biotech dan pemprosesan ikan.

Menurut TYT, hubungan positif antara Brunei dan Jepun juga dapat diteruskan dengan penglibatan belia-belia negara ini dalam menikmati pertukaran budaya dan sukan melalui Program JENESYS dalam sukan badminton, ragbi, badminton dan bola sepak.

Dengan penerbangan terus dari Brunei ke Tokyo yang bermula pada Mac 2019, TYT berharap

rakyat negara ini akan dapat berkunjung ke Jepun bagi menikmati keindahan dan hospitaliti rakyat negara tersebut.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan isteri.

Acara kemuncak majlis ialah memotong kek sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Maharaja Jepun yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew dan isteri serta TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam diikuti dengan Lagu Kebangsaan Jepun.

Majlis diserikan dengan tayangan video promosi Sukan Olimpik Tokyo 2020, persembahan dari Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam dan tarian tradisional Jepun 'Soran Bushi' dari Brunei Japan Friendship Association UTB Chapter.

Turut diadakan ialah pameran produk-produk dari beberapa syarikat Jepun yang bertapak di Negara Brunei Darussalam.

## UNISSA terima sumbangan Mushaf Al-Quran



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Norarfhan bin Haji Zainal (kiri) semasa menerima mushaf dan buku-buku daripada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Awang Ali Abdullah A. Al Shehry.

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sekali lagi mencerima sumbangan Mushaf Al-Quran

dan buku-buku daripada Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam pada 1 Disember 2018 yang lalu. Penyampaian mushaf dan



DEMONSTRASI Judo daripada Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam.

buku-buku tersebut disampaikan oleh Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Awang Ali Abdullah A. Al Shehry.

Sebanyak 550 buah Mushaf Al-Quran di samping 553 buah buku diterima oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfhan bin Haji Zainal.

Sebelum penyerahan mushaf dan buku-buku berkenaan, Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam telah membuat sesi perjumpaan dengan Rektor UNISSA.

Dalam pertemuan tersebut, Rektor UNISSA menyatakan perasan berbesar hati kerana UNISSA diberi penghormatan dengan diberi sumbangan mushaf dan buku tersebut dan diharap hubungan kerjasama di antara UNISSA dan Kedutaan Besar Arab Saudi akan terus terjalin.

Tujuan kunjungan tersebut ialah bagi meninjau peluang-peluang kolaborasi dan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan Islam.